

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 28 Mac 2021 7:24 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Manfaatkan 880 Set Wakaf Al-Quran



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 MAC 2021 / 14 SYAABAN 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM MANFAATKAN 880 SET WAKAF AL-QURAN



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima sebanyak 880 set wakaf Al-Quran daripada Kumpulan Karang kraf menerusi Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUI), baru-baru ini.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau berterima kasih kepada yayasan tersebut di atas pemberian sumbangan dalam jumlah yang besar itu dan ia merupakan naskah Al-Quran yang sangat berguna kerana naskah yang diterima ini terdapat terjemahan, tafsir dan hadis, selain seni mushaf yang menarik di dalam Al-Quran.

"Wakaf Al-Quran ini akan dimanfaatkan sebaiknya dan pada penghujung tahun lalu juga, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menggalakkan agar setiap universiti awam menubuhkan *Quran Corner*.

"Quran Corner ini kelak akan memberi manfaat kepada setiap pelajar Islam untuk meneliti dan memanfaatkan semua ilmu yang terkandung dalam Al-Quran ini kerana kita sedia maklum bahawa ilmu bermula dari surah Al-'Alaq (Iqra)," katanya ketika melihat wakaf Al-Quran yang diterima di Bilik Sri Delima, hari ini.

Beliau berkata, universiti juga merancang untuk menempatkan Al-Quran itu di setiap pusat pengajian termasuk Pusat Islam dan Inapan Siswa (INASIS) untuk kegunaan seluruh warga kampus.

Menurutnya, beliau berharap ilmu yang terdapat dalam wakaf Al-Quran itu akan dapat dikongsikan dan diletakkan di tempat yang sesuai bagi tujuan bacaan dan rujukan agar dapat membantuk sahsiah dan integriti staf dan pelajar kampus ini.

Sementara itu, Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Ismail Ishak berkata, sumbangan Al-Quran itu sangat berharga kepada warga UUM dan Al-Quran ini merupakan induk segala ilmu yang boleh dimanfaatkan.

"Saya harap sumbangan ini diambil manfaat dengan betul, bukan sekadar untuk dipamerkan tetapi menggunakan dalam kehidupan seharian, apatah lagi UUM sebagai pusat pendidikan perlu mengambil peluang ini untuk menyebarkan dan berkongsi ilmu yang terdapat dalam Al-Quran.

"Di samping itu, universiti juga akan menghidupkan *#QuranHour* dengan mengadakan bacaan Al-Quran seperti tahun-tahun sebelum ini, malah kita merancang mengadakan Tadarus Perdana yang dijadualkan pada 2 Ramadan nanti yang akan diketuai Naib Canselor," katanya.

Ketua Pustakawan, Salleh Hudin Mustaffa berkata, program *MyQuranTime* akan disemarakkan lagi dan di Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB) akan diwujudkan *Quran Corner* yang akan memberi maklumat kepada pengunjung secara fizikal dan *virtual* agar mendalami Al-Quran sebagai salah satu ilmu yang utama kepada manusia sejagat.

Menurutnya, pihak PSB akan mengadakan pelbagai program yang bersesuaian untuk sebarkan ilmu yang berkaitan Al-Quran kepada masyarakat, selain membuat pameran untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran awam.

Pada masa sama turut diadakan penyerahan takwim dan waktu solat 2021 yang disumbangkan Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk diedarkan kepada kakitangan UUM.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.